



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 29 APRIL 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MALAYSIA TERUS TEROKA PELUANG PERTANIAN, MAKANAN DENGAN UZBEKISTAN, NASIONAL, SH -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	8 COWS WORTH RM51,000 SEIZED BY KELANTAN GOF, NEWS IN BRIEF, NST -13	LAIN-LAIN
3.	LELAKI CUBA SELUDUP LEMBU LEPAS SAHUR, NEGARA, KOSMO -13	
4.	CUBA SELUDUP LAPAN EKOR LEMBU LEPAS WAKTU SAHUR, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -26	
5.	DALAM TEMPOH EMPAT BULAN, EMPAT KALI HARGA DEDAK NAIK, DALAM NEGERI, UM -13	
6.	AP SEMENTARA ATASI ISU HARGA AYAM, DEDAK, DALAM NEGERI, UM -13	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

## Malaysia terus teroka peluang pertanian, makanan dengan Uzbekistan



Ronald (kanan) menerima kunjungan Ravshan di Wisma Tani, Putrajaya pada Isnin.

**SHAH ALAM** - Malaysia akan terus meneroka peluang kerjasama baharu dalam sektor pertanian dan industri makanan dengan Uzbekistan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Uzbekistan merupakan rakan dagangan Malaysia di Asia Tengah yang mempunyai potensi pasaran yang tinggi.

Menurutnya, hubungan baik bersama Uzbekistan menyaksikan Malaysia berjaya memperoleh sebanyak RM115.03 juta dalam perdagangan pertanian bagi tempoh Januari hingga November 2020.

“Ini membabitkan nilai eksport perdagangan pertanian Malaysia ke

Uzbekistan berjumlah RM145.97 juta dan nilai import berjumlah RM30.94 juta.

“Produk eksport kebanyakannya adalah produk kopi, koko, teh, rempah dan buah-buahan, manakala produk import adalah sayur-sayuran dan buah-buahan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, Ronald menerima kunjungan hormat Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia, Ravshan Usmanov di Wisma Tani, Putrajaya.

Pada perjumpaan itu, kedua-dua pihak berbincang mengenai pelbagai aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Uzbekistan dalam sektor pertanian dan industri makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

## 8 cows worth RM51,000 seized by Kelantan GOF

**PASIR MAS:** The General Operations Force (GOF) seized eight cows worth RM51,000 in an operation at Kampung Tok Rusa here yesterday. A lorry, which was used to transport the animals, was also seized in the operation. GOF Seventh Battalion commanding officer Superintendent Azhari Nusi said a 35-year-old lorry driver was arrested in the 6.45am operation. He said a GOF team was on patrol when they saw the lorry and ordered the driver to stop. He said the team found the cows when inspecting the lorry. He added that the driver failed to produce any permit to transport the animals. Azhari said initial investigations showed that the lorry driver had taken the cows from a supplier in a neighbouring country. "Checks also revealed that the animals were smuggled into the state via an illegal jetty near Sungai Golok."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2021	KOSMO	NEGARA	13

## Lapan ekor lembu dibawa rentas Sungai Golok

# Lelaki cuba seludup lembu lepas sahur



LAPAN ekor lembu seludup dirampas PCA Batalion 7 selepas menahan sebuah lori di Kampung Tok Rusa, Meranti, Rantau Panjang semalam.

Oleh YATIMIN ABDULLAH

**RANTAU PANJANG** - Cubaan seorang lelaki untuk menyeludup lapan ekor lembu bernilai RM51,660 selepas waktu sahur gagal apabila dia dicekup oleh anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 di Kampung Tok Rusa, Meranti di sini semalam.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, lelaki berusia 35 tahun itu ditahan ketika dia memandu sebuah lori dalam keadaan mencurigakan pada pukul

6.45 pagi iaitu selepas waktu sahur.

Menurutnya, anggota PGA telah mengarahkan pemandu lori tersebut untuk memberhentikan kenderaan yang dipandunya.

"Pihak polis terus melakukan pemeriksaan pada bahagian belakang lori tersebut dan telah membawa kepada penemuan sebanyak lapan ekor lembu.

"Bagaimanapun, selepas diperiksa pemandu lori itu gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan sah untuk pemindahan lembu-lembu

tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azhari memberitahu, siasatan awal mendapati, lelaki itu mengaku telah menarik sendiri lembu-lembu tersebut dari tepi Sungai Golok sebelum dinaikkan ke atas lori untuk dihantar kepada peraih.

Katanya, lembu-lembu itu dipercayai diseludup melalui beberapa pangkalan haram di sekitar Sungai Golok.

Tambahnya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

29/4/2021 SINAR NEGERI 26  
 HARIAN TERENGGANU/  
 KELANTAN



Lapan ekor lembu yang cuba diseludup masuk selepas waktu sahur yang berjaya dirampas PGA Batalion 7 Kuantan di Kampung Tok Rusa, Meranti, Rantau Panjang pada Rabu.

## Cuba diseludup lapan ekor lembu lepas waktu sahur

**RANTAU PANJANG** - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan mematahkan cubaan menyeludup lapan ekor lembu selepas sahur apabila berjaya menahan sebuah lori di Kampung Tok Rusa, Meranti di sini pada Rabu.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, rampasan lembu bernilai RM51,660 itu dilakukan pada jam 6.45 pagi semasa anggota keselamatan terbabit melakukan rondaan rutin Op Benteng Covid-19 di kawasan penugasan.

"Hasil pemeriksaan ke atas lori dipandu seorang lelaki berusia 35 tahun itu kemudiannya membawa kepada penemuan lapan ekor lembu dalam lori tersebut.

Beliau berkata, lelaki tersebut mengaku telah menarik sendiri lembu-lembu tersebut dari tepi Sungai Golok sebelum dimuatkan ke dalam lori untuk dihantar kepada peraih.

"Lembu-lembu tersebut diseludup, menggunakan pangkalan haram yang terdapat di sepanjang Sungai Golok.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan keseluruhan rampasan termasuk lori dianggarkan bernilai RM76,660," katanya.

Sementara itu, dalam kes berasingan pihaknya menahan seorang pemandu lori yang membawa 4,200 pekot tepung beras bernilai RM10,500 di Jalan Pak Keral di sini pada Rabu dipercayai diseludup dari negara jiran.

Azhari berkata, sepasukan anggota Batalion 7 PGA, mengesan sebuah lori jenis Hi-Ace berwarna putih dalam keadaan mencurigakan di Jalan Pak Keral, Tumpat dan berjaya menahan suspek yang berusia 52 tahun.



AZHARI

"Anggota menghampiri dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis sebelum pemeriksaan lanjut di bahagian belakang lori menjumpai kotak-kotak berwarna coklat yang mengandungi 4,200 pekot tepung beras dianggarkan bernilai RM10,500.

"Hasil siasatan awal tepung beras tersebut di seludup dari Thailand melalui pangkalan haram," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, dalam Op Benteng kira-kira jam 8.52 pagi itu, polis turut merampas kesemua barang kes beserta lori yang bernilai RM 25,000.

"Rampasan dan tangkapan dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk tindakan dan siasatan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (c) Akta Kastam 1967," katanya.



PENTERNAK memberi makan kambing ternakannya di Arau, Perlis. Harga dedak dikatakan mengalami peningkatan, sebanyak empat kali dalam tempoh empat bulan ini. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

## Dalam tempoh empat bulan, empat kali harga dedak naik

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

**ARAU:** Golongan penternak dilihat semakin terkesan apabila harga dedak terus menunjukkan peningkatan cukup ketara.

Dalam tempoh empat bulan sepanjang tahun ini, sudah empat kali harga makanan haiwan peliharaan itu naik.

Malah harga dedak dari sekitar RM65 sehingga RM67 bagi

berat 50 kilogram dikatakan naik RM2.50, sekali gus menyebabkan golongan penternak terpaksa mengeluarkan lebih kos.

Sebelum ini, harga dedak hanya sekitar RM55 bagi berat 50 kilogram sebelum terus mengalami kenaikan demi kenaikan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu dan berlarutan sehingga kini.

Seorang penternak kambing, Husmizar Hussain, 41, berkata, kenaikan harga dedak soya putih

itu cukup memberi kesan kepadanya yang perlu menggunakan bekalan dedak sebanyak 50 kilogram setiap hari.

Dia yang memelihara kira-kira 80 ekor kambing berkata, sejak awal tahun ini, sudah empat kali harga dedak mengalami kenaikan sehingga mencecah antara RM5 atau RM6 bagi setiap 50 kilogram itu.

"Jika kenaikan sebelum ini saya perlu mengeluarkan perbelanjaan tambahan sekitar RM300 sebulan dan kenaikan terbaharu

ini bakal menyebabkan kos saya bertambah sehingga RM400 sebulan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Husmizar, mahu tidak mahu mereka perlu membeli dedak yang berkualiti itu meskipun mengalami kenaikan.

Katanya, dedak perlu digunakan setiap hari dan kenaikan harga secara tidak langsung memberi kesan khususnya mereka yang memelihara haiwan ternakan dalam kuantiti yang banyak.

## AP sementara atasi isu harga ayam, dedak

**IPOH:** Kerajaan dicadang mengeluarkan Permit import (AP) sementara bagi membawa masuk bekalan ayam segar ke negara ini untuk mengatasi harga ayam yang tinggi di pasaran ketika ini.

Dalam masa sama, kerajaan juga dicadang mempertimbangkan mengeluarkan AP untuk mengatasi monopoli bahan membuat dedak iaitu jagung, soya import yang menjadi punca harga ayam melambung.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Perak, Nor Azhar Mohamed berkata, langkah mengeluarkan AP sementara merupakan penyelesaian segera isu kenaikan harga ayam yang berpunca daripada kenaikan harga makanan ternakan.

Katanya, isu kenaikan harga dedak perlu diatasi kerana meningkat sehingga 23 peratus dalam tempoh empat bulan, iaitu kenaikan tertinggi yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Dulu, harga dedak tak naik setinggi sekarang. Dulu naik pun dalam RM3 atau RM4 dalam tempoh lima, enam tahun tapi sekarang daripada RM80 bagi berat 50 kilogram, kini naik sehingga RM108."

"Akibatnya, ada penternak yang terpaksa tutup perniagaan terutama yang bela secara kecil-kecilan antara 2,000 hingga 3,000 ekor. . .

"Untuk mengimbangi monopoli, mungkin kerajaan boleh keluarkan AP sementara, import permit beli ayam beku dari Thailand. Untuk sementara juga, beri kepada Fama untuk import ayam, tidak semestinya kuantiti banyak, yang penting tiada pihak yang memanipulasi pasaran," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Nor Azhar berkata, kerajaan juga harus melihat kemungkinan berlaku monopoli dalam import bahan membuat dedak.

Katanya, jika itu berlaku, kerajaan harus mengeluarkan AP import bahan-bahan menghasilkan dedak.